



PPPn SELANGOR (ICU JPM)

MEMO

Rujukan : UPP: PPPN.B/177/69/8/253/T()

Tarikh : 28 Feb.18

PERKARA	MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN DI KAMPUNG PADANG JAWA, BATU TIGA, SHAH ALAM, SELANGOR	
DARIPADA	Penolong Pengarah Ukur Bahan	SALINAN : - Y. Bhg. Dato' PKN - Unit Teknologi Maklumat
KEPADA	Ketua Penolong Pengarah Pengurusan	- Fail - Float

Puan,

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan iklan bagi projek di atas untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.


(ISDAFARAH BINTI ISMAIL)
Penolong Pengarah (Ukur Bahan)



**PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR
UNIT PENYELARASAN PERLAKSANAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)
ARAS 5, 6, 7 & 8, MENARA UBSA,
PUSAT DAGANGAN UMNO SHAH ALAM,
PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11,
40100 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**Tel : 03 - 55213600
Fax : 03 - 55100478**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

MENURAP SEMULA PERMUKAAN JALAN DI KAMPUNG PADANG JAWA, BATU TIGA, SHAH ALAM, SELANGOR

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor bertaraf **Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** serta Perakuan Pendaftaran :

**GREED : G2
KATEGORI : CE
PENGKHUSUSAN : CE01 CE21**

dan yang masih dibenarkan menyertai sebutharga ini.

2. Lawatan tapak akan diadakan pada **21 Februari 2018 (Rabu)** di tapak projek pada pukul **2:30 petang**. Penyebutharga mesti membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** (ASAL dan SALINAN). **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB DAN SPKK SAHAJA BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI LAIN SELAIN DARIPADA PENAMA YANG DIBENARKAN DALAM CIDB DAN SPKK.**
3. Hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebutharga. Borang sebutharga boleh diperolehi mulai **23 Februari 2018 (Jumaat)** di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Aras 7, Menara UBSA, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran DamaI, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor dengan membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (ASAL dan SALINAN)**. Wakil kontraktor mestilah membawa **Surat Wakil Kuasa**.
4. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama **salinan** pendaftaran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditandakan **"PPPNS/PETALING/(01)/2018(01)R"** disudut atas sebelah kiri sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor di Tingkat 5** sebelum tarikh dan masa tawaran ditutup.
5. Sebutharga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Tingkat 5, sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada **02 Mac 2018 (Jumaat)**.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau pun terikat kepada mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRULZAMAN BIN HJ. SAAD)
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Teknikal)

Tarikh : Februari 2018